Muslim Trip- Praktikal Memborong di

Guangzhou 6H5M

traveRia.biz
TK1350
Colorful and inspiring vacation and tours around the world!

RM3,760/PAX

Termasuk Flight+Breakfast+Dinner
Bulanan RM91x48








DEPOSIT RM500 / *50%

Tarikh 2027
20-24 JAN*
25-30 JAN*
29MAC-03APR*
05-10APR
03-08MEI
23-27 MEI*
28JUN-03JUL
12-17JUL
09-14AUG
28AUG-01SEP*
06-11SEP
04-09OCT
05-09DEC*


Sifu Tok Hin

Pakej ini termasuk tour lawatan pelancungan dan sessi memborong di lokasi borongan termasuk kaedah penghantaran pulang melalui ejen penghantaran (shipment) yang selamat. HARGA JUGA TERMASUK:

- ✓Penerbangan **AIR ASIA/ SHENZHEN AIRLINES** atau setaraf pergi balik Kuala Lumpur – Shenzhen/ Guangzhou.
- ✓Penginapan dan sarapan buffet setiap pagi
- ✓Makan malam di restoran halal

AL ILMI TRAVEL & TOURS SDN. BHD.

AL-ILMI TRAVEL & TOURS SDN BHD

Muslim Trip- Praktikal Memborong di Guangzhou 6H5M



DEPOSIT RM500 / 50% ikut tarikh pilihan.

Skim Bayaran Mudah RM91/bulan x 48 bulan dengan Koperasi Muslimin Bhd

Latihan Memborong di Guangzhou One Link Plaza, Tempat Memborong bergantung kepada keperluan masing-masing dimana tunjuk ajar akan diberi dalam melaksanakan operasi memborong dan ianya termasuk bagaimana menghantar barang balik Malaysia

Tempat Lawatan: Shenzhen-Bandar Gankeng Hakka, Diwang Building; Guangzhou-Masjid Saad Abi Waqqas, Beijing Street, Baiyun Mountain, Shamian Island

NOTA: HARGA MUNGKIN BERUBAH MENGIKUT HARGA TIKET PENERBANGAN SEMASA. ITINERARI, HARGA MUKTAMAD DAN TERMA PEMBAYARAN DIMAKLUMKAN DALAM SEBUTHARGA RASMI YANG AKAN DIBERIKAN SETELAH TEMPAHAN DITERIMA.

Pakej ini termasuk tour lawatan pelancungan dan sessi memborong di lokasi borongan termasuk kaedah penghantaran pulang melalui ejen penghantaran (shipment) yang selamat. HARGA JUGA TERMASUK

- Penerbangan **SHENZHEN AIRLINES** atau setaraf pergi balik Kuala Lumpur – Shenzhen/Guangzhou.
- Penginapan 3* dan sarapan buffet setiap pagi
- Makan malam di restoran halal.
- Lawatan Tempat Menarik di Guangzhou/Shenzhen
- Latihan Praktikal Memborong dan Penghantaran Barang balik Malaysia oleh Sifu Tok Hin (Mohd Sollehin)

(c) Traveria.Biz 2026




Sifu Tok Hin

SIFU TOK HIN - MOHD SALLEHIN YUSOFF

Mohd Sallehin Yusoff (Tok Hin) berpengalaman luas dalam kerjaya konsultansi bidang borong dan runcit dan pemasaran produk dan perkhidmatan dalam sektor korporat dan kontrak kerajaan.

Beliau juga merupakan Tour Leader terbaik AL-ILMI Travel and Tours dalam menjayakan trip ke Eropah, Balkan, Turki dan China semenjak tahun 2014 sehingga sekarang. Beliau merupakan lagenda dalam menjual pakej pilihan bagi setiap rombongan trip yang di bawa.

Tok Hin telah beberapa kali bersama rombongan memborong ke China, ke bandar Guangzhou dan juga Yiwu mengendalikan trip yang dikendalikan oleh beberapa syarikat pelancongan berdaftar dari Malaysia. Pengalaman beliau dalam memborong barangan di China menyebabkan beliau dipilih oleh Syarikat Perunding Konsortium Pelancongan – Traveria.Biz untuk menjadi Sifu dalam menjayakan *Muslim Trip – Belajar Memborong di Guangzhou 6H5M.* Traveria.Biz merupakan konsortium yang membantu syarikat Pelancongan di Malaysia bekerjasama antara satu sama lain. AL-ILMI Travel & Tours Sdn Bhd dan juga Muslimin Travel & Tours Sdn Bhd merupakan antara syarikat Pelancongan Berdaftar MOTAC yang bersama konsortium Traveria.Biz



(c) Traveria.Biz 2026

Muslim Trip- Praktikal Memborong di

Guangzhou 6H5M

ITINERARI

Hari 1: Shenzhen – Guangzhou (L, D)

Tiba awal pagi di Airport Shenzhen. Sambutan di Airport oleh wakil kami, kemudian anda akan dibawa untuk sarapan di Restoran Muslim (belanja sendiri). Tempat pertama yang akan dilawati di Shenzhen ialah Bandar Gankeng Hakka, sebuah perkampungan purba kumpulan etnik Hakka, dengan beberapa bangunan seni bina Hakka. Seterusnya anda akan dibawa untuk melihat ke bawah dari tingkat persiaran Diwang Building, mercu tanda Shenzhen. Selepas makan tengah hari, anda akan berlepas ke Guangzhou(140km – 1jam 30 minit). Di Guangzhou anda akan dibawa melawat Masjid Saad Abi Waqqas dan Beijing Street sebelum checkin ke hotel. Dinner di restoran HALAL berdekatan. Malamnya anda akan diberikan taklimat aktiviti memborong untuk 4 hari yang akan datang. Bermalam di Guangzhou.

Hari 2: Guangzhou (B, D)

Selepas sarapan anda akan dibawa menaiki Cable Car di Baiyun Mountain. Kemudiannya anda akan dibawa ke Shamian Island. Kemudian anda akan dibawa berjalan kaki dari hotel ke One Link Plaza dan untuk sepanjang petang anda akan berada di sana. Di sini anda akan ditunjuk cara tawar menawar. Pulang ke hotel masa sendiri. Dinner di restoran HALAL berdekatan. Bermalam di Guangzhou.

Hari ke 3 : Memborong ikut pilihan masing-masing (B, D)

Setiap peserta akan ditunjuk ajar bagaimana untuk pergi sendiri ke Plaza/Mall yang menjual barang mengikut keistimewaan masing-masing. Pulang ke hotel masa sendiri. Dinner di restoran HALAL berdekatan. Bermalam di Guangzhou.









(c) Traveria.Biz 2026

Muslim Trip- Praktikal Memborong di

Guangzhou 6H5M

Hari ke 4 : Memborong ikut pilihan, Pembungkusan dan penghantaran (B, D)

Selepas sarapan, anda akan dibawa ke satu kompleks khusus untuk membeli beg-beg bagi dibawa pulang. Anda mungkin merancang saiz dan ciri-ciri beg tertentu. Kemudiannya, setiap peserta akan pergi sendiri ke Plaza/Mall yang menjual barang mengikut keistimewaan masing-masing. Pulang ke hotel masa sendiri. Dinner di restoran HALAL berdekatan. Bermalam di Guangzhou. Di sebelah malam anda akan ditunjuk ajar bagaimana membuat packing dan urusan penghantaran barang balik Malaysia.

Hari ke 5 : Aktiviti Bebas, Pembungkusan dan penghantaran balik Malaysia (B, D)

Selepas sarapan anda akan ditunjuk ajar lagi bagaimana membuat packing dan urusan penghantaran barang balik Malaysia. Kemudian aktiviti bebas. Pulang ke hotel masa sendiri. Dinner di restoran HALAL berdekatan. Malam – urusan pembungkusan barang untuk dihantar balik Malaysia. Bermalam di Guangzhou.

Hari ke 6 : Aktiviti Bebas- Guangzhou- Shenzhen (B)

Selepas sarapan, aktiviti bebas. Pulang ke hotel masa sendiri. Jam 3pm anda akan bertolak ke Airport Shenzhen.











© Traveria Biz 2026



Muslim Trip- Praktikal Memborong di Guangzhou 6H5M

Senarai Lokasi Borong Utama mengikut Kategori

Mainan, Cenderahati& Alat Tulis (Toys & Gifts)
- Yide Lu (Jalan Yide): Kawasan tumpuan untuk permainan kanak-kanak, alattulis, dan cenderahati.
- Onelink Plaza: Plaza 6 tingkat dengan ribuan kedai menjual soft toys, barangan hiasan rumah, dan perkakas aksesori.

Pakaian&Fesyen (Fashion & Clothes)
- Zhanxi Wholesale Fashion Center / Zhan Xi Lu:Tumpuan Utama untuk pakaian lelaki, wanita, dan fesyen umum dan luggage
- Baima Clothing Market: Pusat borong pakaian popular dan agak besar di Guangzhou.
- Pilihan lain:Paar, Sahw, Samsam Hong, dan Kong Thai (JIKA TIDAK SEMPAT JANGAN PERGI)

Beg, Kasut & Produk Kulit (Leather & Bags)
- Guangzhou Baiyun Leather Commercial Center: Destinasi utama untuk beg tangan, kasut, dompet, dan barangan kulit.
Pasar Kulit & Perkakasan Mingshang Tiandi: Syurga bahan mentah beg seperti kulit mentah dan kunci logam.
- Zhongda Fabric Market: Tempat terbaik untuk pelbagai jenis kain, warna, dan corak borong. (Kawasan utama jualan fabrik secara borong)

Kosmetik& Skincare (Jika sempatatau split group)
- May Boxing / May Pox: Kawasan tumpuan untuk produk kecantikan dan skincare.

Peralatan Hotel & Restoran (Hotel Supplies) - optional place kecuali kepada pemilik hotel atau restoran yg ingin ke sana
- Guangzhou Nantian International Hotel Supplies Wholesale Market:Menjualpingganmangkuk, cawan, tuala, dan kelengkapan hotel/restoran.

Aksesori & Produk Viral
- Tai Hong Taiha: Terkenal untuk pelbagai jenis aksesori.
- Manling: Tumpuan untuk produk-produk yang sedang viral.

Panduan memborong:
- Bandingkan harga beberapa pembekal.
- Periksa kualiti sebelum membeli.
- Tanya kuantiti minimum (MOQ).
- Kira kos penghantaran ke Malaysia.
- Simpan invois dan rekod pembelian.

(c) Traveria.Biz 2026